



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; ASNAF AL-RIQAB DAN GEJALA SOSIAL



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "ASNAF AL-RIQAB DAN GEJALA SOSIAL".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.	5
Khutbah hari ini akan membicarakan tentang " <b>ASNAF AL-RIQAB DAN GEJALA SOSIAL.</b> "	6



Golongan asnaf Al-Riqab adalah salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Allah SWT telah menetapkan lapan golongan yang layak mendapat zakat melalui firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ط فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

7

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

8

Setelah meneliti perbezaan pandangan oleh para fuqaha' dalam mentafsirkan golongan yang layak menerima zakat di bawah al-Riqab dan menilai kemaslahatan umat Islam pada masa kini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengharuskan penggunaan wang zakat untuk membantu asnaf Al-Riqab yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Fatwa Jenis Penerima Asnaf al-Riqab Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya telah diwartakan pada 7 Jun 2012 bagi memperincikan individu yang layak menerima zakat al-Riqab.

9



<p>Antara golongan yang berada dibawah kategori masalah sosial adalah golongan yang terbelenggu dengan dadah, masalah jenayah syariah, amalan bertentangan ajaran Islam seperti meninggalkan solat dan puasa, gaya hidup songsang, kes juvana dan penyakit kronik. Manakala golongan yang berada dibawah kategori masalah akidah adalah golongan yang terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat serta pemulihan individu yang terpesong daripada akidah Islam sebenar.</p>	10
<p>Ini jelas menunjukkan bahawa Islam tidak meminggirkan golongan-golongan ini walaupun secara lumrahnya dipandang enteng oleh masyarakat. Malah, beberapa bantuan juga telah disalurkan kepada golongan asnaf al-Riqab ini bertujuan untuk mendidik dan membimbing mereka menjadi mukmin yang diredai Allah.</p>	11
<p>Bagi mengenali lebih mendalam lagi asnaf al-Riqab, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menganjurkan bulan pembebasan golongan asnaf al-Riqab untuk memberikan pendedahan kepada orang awam khususnya golongan muda tentang realiti bahayanya gejala sosial terhadap individu dan impaknya terhadap agama, bangsa dan negara.</p>	12



Bercakap mengenai asnaf al-Riqab ini sudah pasti kita akan membicarakan tentang gejala sosial yang semakin seperti zina, dadah, LGBT, rogol, kes-kes juvana dan salah laku dalam Islam dan perlu diberi perhatian serius oleh seluruh lapisan masyarakat. Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil untuk menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Antaranya ialah;

13

1. Anak-anak perlu diberikan perhatian sepenuhnya dan secara konsisten oleh ibubapa seperti memastikan anak-anak diberikan persediaan menghadapi sebarang masalah dan tekanan emosi, menerima dengan baik sesuatu keputusan, membentuk sikap positif dan mengenali rakan-rakan anak agar tidak terjerumus ke lembah maksiat dan sifat-sifat mazmumah.

Penekanan didikan agama perlu dititikberatkan oleh seluruh lapisan masyarakat. Penglibatan dalam kuliah pengajian agama, budaya mengajak orang ramai bersolat jemaah perlu digalakkan agar dapat memupuk rasa cinta kepada agama.

14

2. Rasa cinta kepada agama akan menimbulkan perasaan gerun dan takut untuk melakukan maksiat sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu:

15

إِنَّ الْمُؤْمِنَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَأَنَّهُ قَاعِدٌ تَحْتَ جَبَلٍ يَخَافُ أَنْ يَقَعَ عَلَيْهِ وَإِنَّ  
الْفَاجِرَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَذُبَابٍ مَرَّ عَلَى أَنْفِهِ

*"Sesungguhnya seorang mukmin itu melihat dosa-dosanya seolah-olah dia duduk di bawah gunung yang ditakuti akan menyimpannya, sebaliknya seorang yang fajir (pelaku dosa) melihat dosanya hanya seumpama seekor lalat yang hinggap di hidungnya."*

16

*(Riwayat al-Bukhari)*



<p>3. Sesi kaunseling, program pembangunan sahsiah diri pelajar di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi perlu dilakukan secara konsisten dan diberi pembaharuan sesuai dengan peredaran zaman bagi memastikan langkah-langkah pencegahan gejala sosial dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p>	17
<p>4. Penguatkuasaan Undang-Undang perlu seiring dengan program-program kesedaran. Undang-undang yang telus akan membantu mencegah maksiat dan kemungkaran. Aspek pencegahan adalah untuk mencegah manusia daripada melakukan kejahatan. Pencegahan akan berhasil apabila timbul rasa takut dalam kalangan masyarakat terhadap hukuman yang dikenakan.</p>	18
<p>5. Isu-isu ibadah perlu diambil berat tidak kira siapa dan perlu diberi keutamaan bermula dari institusi keluarga. Hal ini kerana, individu-individu yang menjaga ibadahnya lebih terjamin akidahnya.</p> <p>6.</p>	19
<p>Firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 45:</p> <p>أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾</p>	20



*"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."*

21

Kesimpulan yang dapat diambil dari khutbah jumaat ini ialah:

1. Bantuan golongan asnaf al-Riqab adalah perintah Allah SWT dan bukti keprihatinan Islam terhadap seluruh umat manusia tidak kira latar belakang individu tersebut.
2. Islam memberikan peluang kedua kepada golongan asnaf al-Riqab untuk menjadi seorang mukmin yang diredai Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah bersikap positif dan bukannya terus menghakimi seseorang yang terlanjur melakukan kesalahan itu.
4. Umat Islam hendaklah sedar bahawa pergaulan bebas dan luar batasan Islam merupakan salah satu punca berlakunya gejala sosial dalam kalangan generasi muda pada hari ini.

22

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

23



"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

24

(Ali Imran : 104).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعَوْنِ وَالْهَدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22